



Progress in Computers and Learning

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/picl>
ISSN: 3083-8894



Pengaplikasian Canva dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Meningkatkan Daya Tumpuan Murid Disleksia

The Application of Canva in the Teaching of Malay Language to Enhance the Attention Span of Dyslexic Students

Siti Zulaikha Abdullah¹, Vestly Kong Liang Soon^{1,*}, Chong Ai Peng¹

¹ Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 12 April 2025

Received in revised form 11 May 2025

Accepted 7 June 2025

Available online 24 July 2025

ABSTRACT

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pendidikan semakin mendapat perhatian kerana potensinya dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Walaupun proses pembelajaran masih dapat berlangsung tanpa ICT, keberkesanan dan daya tumpuan murid, khususnya Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) seperti murid disleksia, dapat dipertingkatkan melalui pendekatan berasaskan teknologi. Murid disleksia sering mengalami kesukaran dalam membaca, menulis, dan mengira, serta mudah kehilangan daya tumpuan dalam sesi pembelajaran. Oleh itu, integrasi aplikasi interaktif seperti Canva dalam pengajaran subjek Bahasa Melayu berpotensi membantu meningkatkan daya tumpuan mereka. Kajian ini bertujuan untuk meneroka minat guru terhadap penggunaan aplikasi Canva, menilai kemudahgunaannya dalam pengajaran Bahasa Melayu, serta meninjau keberkesanannya dalam meningkatkan daya tumpuan murid disleksia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, melibatkan sesi temu bual berstruktur bersama tiga orang guru Pendidikan Khas yang mengajar subjek Bahasa Melayu serta pemerhatian langsung terhadap beberapa murid disleksia berkefungsian sederhana di sebuah sekolah menengah di daerah Tumpat, Kelantan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi Canva dalam pengajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan daya tumpuan murid disleksia, sekali gus menyokong keberkesanan pendekatan teknologi dalam pengajaran bagi kumpulan ini.

The integration of Information and Communication Technology (ICT) in education has gained significant attention due to its potential to enhance the quality of teaching and learning. Although learning can still take place without ICT, its effectiveness and students' engagement, particularly among Special Education Needs (SEN) students such as those with dyslexia, can be significantly improved through technology-based approaches. Dyslexic students often struggle with reading, writing, and numeracy, making it difficult for them to maintain focus during lessons. Therefore, incorporating

* Corresponding author.

E-mail address: vestly@fpm.upsi.edu.my

<https://doi.org/10.37934/picl.4.1.4048>

Keywords:

ICT; Canva; murid disleksia; daya
tumpuan; pengajaran Bahasa Melayu

*ICT; Canva; dyslexic students; attention
span; Bahasa Melayu instruction*

interactive applications such as Canva in Bahasa Melayu instruction has the potential to enhance their attention span. This study aims to explore teachers' interest in using Canva, assess its usability in teaching Bahasa Melayu, and examine its effectiveness in improving the attention span of dyslexic students. A qualitative approach was employed, involving structured interviews with three Special Education teachers who teach Bahasa Melayu and direct observations of several moderate-functioning dyslexic students in a secondary school in Tumpat, Kelantan. The findings reveal that the use of Canva in Bahasa Melayu instruction can enhance the attention span of dyslexic students, thereby supporting the effectiveness of technology-based teaching approaches for this group.

1. Pengenalan

Perkembangan teknologi pendidikan telah membuka peluang besar kepada guru untuk meneroka kaedah pengajaran yang lebih inovatif dan berimpak tinggi. Salah satu teknologi yang semakin mendapat tempat ialah penggunaan aplikasi Canva dalam pendidikan. Canva merupakan alat reka bentuk grafik berasaskan web yang mudah digunakan dan mampu menghasilkan bahan bantu mengajar (BBM) yang menarik, interaktif, dan mesra pengguna. Keunikan Canva terletak pada reka bentuk visual yang menarik perhatian, susun atur intuitif, dan ciri kolaboratif yang membolehkan guru serta murid berinteraksi secara aktif dalam penghasilan kandungan pembelajaran.

Disleksia merupakan salah satu bentuk ketidakupayaan pembelajaran yang tergolong dalam kategori Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Murid disleksia mengalami kesukaran dalam penguasaan bahasa, terutamanya dalam membaca, menulis, dan mengeja [1]. Menurut Subramaniam dan Kunasegran [2], disleksia dikategorikan sebagai kecelaruan bahasa kerana ia memberi kesan terhadap keupayaan kanak-kanak dalam memproses maklumat berkaitan bacaan dan penulisan. Selain itu, murid disleksia cenderung mempunyai memori kerja yang terhad, yang menyebabkan mereka sukar menyimpan maklumat dalam ingatan untuk tempoh yang lama [3].

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (PdP), murid disleksia sering mengalami kesukaran untuk mengekalkan daya tumpuan di dalam kelas. Apabila mereka tidak dapat memahami atau memproses maklumat yang diajar oleh guru, mereka cenderung untuk melakukan aktiviti lain seperti melukis, tidur, atau mengganggu rakan sekelas [4]. Oleh itu, strategi pengajaran yang efektif perlu dirancang bagi memastikan murid disleksia dapat mengikuti pembelajaran dengan lebih berkesan.

Salah satu strategi pengajaran yang boleh digunakan adalah melalui bahan bantu mengajar (BBM) berasaskan teknologi, seperti aplikasi Canva. Canva merupakan alat multimedia yang membolehkan guru menghasilkan bahan pengajaran yang lebih menarik dan interaktif [5]. Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu, penggunaan Canva dapat membantu murid disleksia lebih fokus terhadap pembelajaran dan meningkatkan pemahaman mereka terhadap sesuatu konsep [6]. Walaupun banyak kajian telah dijalankan berkaitan strategi pengajaran murid disleksia, kebanyakan kajian memberi tumpuan kepada pendekatan tradisional seperti kaedah fonetik dan multisensori, serta penggunaan perisian khas untuk disleksia [7].

Tinjauan terhadap literatur sedia ada mendapati bahawa aplikasi Canva masih kurang diterokai dalam konteks pendidikan khas, khususnya bagi murid disleksia dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada penggunaan alat digital secara umum atau tertumpu kepada mata pelajaran lain seperti Sains atau Matematik. Tambahan pula, aspek peningkatan tumpuan murid disleksia melalui aplikasi visual interaktif seperti Canva masih belum diberi perhatian mendalam dari sudut keberkesanan pedagogi dan pengalaman guru. Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk mengisi jurang penyelidikan tersebut dengan meneroka pengalaman guru dalam menggunakan Canva untuk meningkatkan daya tumpuan murid disleksia dalam pengajaran Bahasa

Melayu, serta mengenal pasti cabaran dan keperluan latihan yang terlibat. Seajar dengan matlamat ini, kajian ini bertujuan untuk:

- a) Meneroka minat guru terhadap penggunaan aplikasi Canva dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk murid disleksia.
- b) Menilai kemudahan Canva dalam membantu murid disleksia meningkatkan daya tumpuan mereka semasa sesi pembelajaran Bahasa Melayu.
- c) Meninjau keberkesanan penggunaan Canva dalam meningkatkan pemahaman dan prestasi murid disleksia dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

1.1 Kajian Literatur

Kajian literatur ini bertujuan untuk mengenal pasti perkaitan antara penggunaan Canva dalam pengajaran Bahasa Melayu dan peningkatan daya tumpuan murid disleksia berdasarkan kajian lepas. Dalam bahagian ini, perbincangan akan merangkumi teori dan model yang menyokong keberkesanan pendekatan ini serta kajian-kajian berkaitan yang telah dijalankan sebelum ini.

1.1.1 Teori kognitif Jean Piaget

Teori Kognitif yang diperkenalkan oleh Jean Piaget menjelaskan bahawa perkembangan pemikiran kanak-kanak berlaku secara berperingkat, di mana mereka membina kefahaman melalui pengalaman dan interaksi dengan persekitaran [8]. Menurut teori ini, kanak-kanak melalui empat peringkat perkembangan kognitif, iaitu sensori-motor, praoperasi, operasi konkrit, dan operasi formal [8]. Dalam konteks murid disleksia, gangguan pembelajaran ini memberi kesan terhadap pemprosesan maklumat, memori kerja, serta keupayaan pemahaman bahasa, yang seterusnya menjejaskan keupayaan mereka dalam membaca dan menulis [9].

Murid disleksia sering menghadapi kesukaran dalam menghubungkan simbol dengan makna, menyebabkan mereka memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih visual, interaktif, dan multisensori bagi membantu mereka memahami konsep yang diajar [10]. Berdasarkan teori ini, penggunaan alat bantu mengajar seperti aplikasi Canva dapat memberikan rangsangan kognitif yang lebih sesuai, kerana ia membolehkan murid meneroka, memanipulasi, dan berinteraksi dengan bahan pembelajaran dalam bentuk visual yang lebih menarik [6].

Selain itu, pendekatan pengajaran berbentuk konstruktivisme, yang berpandukan prinsip teori Piaget, menggalakkan pembelajaran aktif di mana murid disleksia membina pemahaman mereka sendiri melalui pengalaman secara langsung [11]. Oleh itu, Canva sebagai alat pembelajaran dapat menyokong perkembangan kognitif murid disleksia, membantu mereka dalam pemprosesan maklumat yang lebih berstruktur, meningkatkan daya tumpuan, serta memudahkan mereka menyerap dan mengingat maklumat dengan lebih berkesan [5].

1.1.2 Teori Defisit Fonologi Disleksia

Teori Defisit Fonologi menyatakan bahawa murid disleksia mengalami kesukaran dalam memproses dan menyimpan bunyi pertuturan, yang memberi kesan terhadap keupayaan mereka dalam membaca, mengeja, dan mengenali fonem [12]. Kesukaran ini berpunca daripada kelemahan dalam pemprosesan fonologi, di mana murid disleksia tidak dapat menghubungkan bunyi dengan simbol tulisan secara berkesan, sekali gus menyukarkan mereka dalam memahami struktur perkataan dan ayat [7].

Menurut kajian oleh Subramaniam dan Kunasegran [2], murid disleksia lebih cenderung untuk memahami sesuatu konsep apabila pembelajaran disampaikan melalui pendekatan visual dan interaktif. Oleh itu, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berbentuk visual, seperti Canva, dapat membantu mereka membina hubungan antara bunyi, huruf, dan makna perkataan dengan lebih baik. Melalui Canva, guru boleh mencipta modul pembelajaran yang mengandungi kombinasi teks, warna, ilustrasi, dan animasi, yang dapat menguatkan ingatan visual serta meningkatkan daya tumpuan murid disleksia [6].

Selain itu, pendekatan ini selari dengan Teori Pemprosesan Maklumat, yang menyatakan bahawa gabungan rangsangan visual dan auditori dapat mempercepatkan proses penyimpanan maklumat dalam ingatan jangka panjang [10]. Oleh itu, penggunaan Canva dalam pengajaran Bahasa Melayu bukan sahaja berupaya membantu murid disleksia dalam menghubungkan bunyi dan tulisan, tetapi juga dapat meningkatkan kecekapan mereka dalam membaca dan mengeja [13].

1.1.3 Teori Behaviorisme

Teori Behaviorisme yang diperkenalkan oleh B.F. Skinner menekankan bahawa tingkah laku pembelajaran dipengaruhi oleh rangsangan dan pengukuhan dalam persekitaran [14]. Dalam konteks pendidikan, teori ini menekankan kepentingan pengukuhan positif untuk meningkatkan motivasi dan prestasi murid [14]. Murid disleksia sering mengalami kebimbangan akademik, tekanan dalam membaca dan menulis, serta kurang keyakinan diri, yang boleh menyebabkan mereka mudah kehilangan daya tumpuan dalam kelas [4].

Dalam usaha untuk meningkatkan daya tumpuan dan minat mereka dalam pembelajaran, guru boleh menggunakan aplikasi Canva sebagai alat pengajaran interaktif. Penggunaan elemen visual yang menarik, warna yang terang, animasi yang dinamik, serta elemen gamifikasi seperti ganjaran dan pencapaian dalam Canva dapat merangsang rangsangan positif dalam kalangan murid disleksia [6]. Dengan adanya pengukuhan positif dalam bentuk maklum balas yang membina, aktiviti yang menyeronokkan, dan bahan bantu mengajar yang lebih menarik, murid disleksia dapat lebih bermotivasi, mengurangkan tekanan akademik, serta meningkatkan daya tumpuan mereka sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran [5].

Pendekatan ini selari dengan prinsip *Operant Conditioning* dalam Teori Behaviorisme, di mana tindak balas positif terhadap pembelajaran akan meningkatkan keberkesanan pemprosesan maklumat serta menggalakkan tingkah laku pembelajaran yang lebih baik [14]. Oleh itu, pengintegrasian Canva sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran Bahasa Melayu bukan sahaja dapat membantu murid disleksia mengekalkan daya tumpuan, tetapi juga mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif, interaktif, dan efektif.

2. Methodology

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneliti pengaplikasian Canva dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk meningkatkan daya tumpuan murid disleksia. Reka bentuk kajian yang dipilih adalah kajian kes, yang membolehkan penyelidik memahami secara mendalam pengalaman guru dalam menggunakan Canva sebagai bahan bantu mengajar [15]. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah di Kelantan, melibatkan tiga orang guru Bahasa Melayu dalam Program Pendidikan Khas Integrasi sebagai peserta kajian. Teknik temu bual separa berstruktur digunakan sebagai kaedah utama pengumpulan data [16].

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, penyelidik menjalankan kajian rintis bagi menilai kejelasan soalan temu bual dan kesesuaian instrumen pemerhatian [15]. Dua pakar daripada

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) turut menilai instrumen kajian untuk memastikan kesahan kandungan, sejajar dengan pandangan bahawa kesahan instrumen boleh ditingkatkan melalui semakan pakar dalam bidang berkaitan [17]. Selain itu, teknik triangulasi sumber data digunakan bagi mengelakkan ketidaktepatan dan meningkatkan keyakinan terhadap hasil penyelidikan [18]. Triangulasi ini melibatkan perbandingan antara data temu bual, data pemerhatian, serta dokumen sokongan seperti nota pengajaran dan refleksi guru [16].

Kajian ini juga mengambil kira aspek etika penyelidikan, di mana semua peserta diberikan borang persetujuan bertulis dan dijamin kerahsiaan identiti mereka, selaras dengan garis panduan etika penyelidikan kualitatif [19]. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik berdasarkan model Braun & Clarke [20]. Proses analisis melibatkan: Pengekoden awal, Pencarian tema utama, Penyusunan tema berdasarkan objektif kajian. Melalui kaedah ini, data yang diperoleh dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang pengalaman guru dalam menggunakan Canva, kelebihan dan kekurangan aplikasi ini dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta kesannya terhadap daya tumpuan murid disleksia. Keputusan kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna dalam bidang pendidikan khas, khususnya dalam pembangunan strategi pengajaran yang lebih interaktif dan berkesan bagi murid disleksia.

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

3.1 Analisis Demografi Responden

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua responden mempunyai minat yang tinggi terhadap Canva, tetapi menghadapi cabaran yang berbeza dalam penggunaannya. Responden A menyatakan bahawa walaupun faktor usia dan kurangnya kemahiran teknikal menjadi kekangan baginya, minatnya terhadap Canva tetap tinggi kerana aplikasi ini memudahkan penyediaan bahan pengajaran yang lebih visual dan menarik. Beliau memilih untuk menggunakan Canva kerana ia mempercepatkan proses penyediaan bahan pengajaran dan menghasilkan output yang lebih kemas berbanding kaedah manual. Kekangan utama yang dihadapinya adalah kesulitan dalam menguasai aplikasi secara mendalam serta keperluan untuk menyesuaikan diri dengan teknologi baharu. Ini selaras dengan Teori Kognitif Jean Piaget [8] yang menyatakan bahawa individu mengalami proses pembelajaran melalui interaksi dengan teknologi dan persekitaran baharu.

Responden B, yang baru diperkenalkan kepada Canva oleh rakan sejawatnya, menyatakan kepuasan dan minat yang tinggi terhadap aplikasi ini kerana ia mudah digunakan dan mempunyai pelbagai fungsi interaktif. Beliau memanfaatkan template sedia ada, flashcard, peta minda, dan bahan visual lain yang sesuai untuk murid disleksia, menjadikan proses pengajaran lebih sistematik dan berkesan. Walau bagaimanapun, responden ini menghadapi kekangan dari segi sambungan internet yang tidak stabil serta kesukaran dalam memilih bahan yang sesuai dengan tahap pemikiran murid disleksia.

Responden C pula menunjukkan minat yang tinggi untuk meneroka dan menggunakan Canva sebagai alat bantu mengajar. Beliau menyatakan bahawa Canva menawarkan kepelbagaian template, ikon, simbol, dan warna, yang menjadikan bahan pengajaran lebih menarik dan sesuai untuk murid disleksia. Selain itu, kemudahan akses dan antaramuka mesra pengguna Canva turut mendorong minatnya dalam menggunakannya secara lebih meluas dalam pengajaran. Namun, responden ini turut menghadapi kekangan dari segi sambungan internet dan penggunaan peranti digital, yang boleh menjejaskan kelancaran penggunaan aplikasi dalam sesi PdP.

Walaupun Canva diterima baik oleh semua responden, terdapat kekangan utama yang perlu diberikan perhatian. Responden A menghadapi kesukaran dalam menguasai aplikasi secara mendalam, yang menunjukkan keperluan latihan berterusan untuk memastikan semua guru dapat

memanfaatkan Canva secara optimum. Responden B dan C pula menyatakan bahawa sambungan internet yang tidak stabil dan akses kepada peranti digital yang terhad menjadi cabaran utama, yang juga merupakan isu yang diketengahkan dalam kajian oleh Widiastuti [5] mengenai penggunaan teknologi pendidikan di kawasan luar bandar. Oleh itu, penyelesaian seperti penyediaan rangkaian internet yang lebih baik dan peranti tambahan di sekolah amat diperlukan bagi mengoptimumkan penggunaan Canva dalam pembelajaran murid disleksia.

3.2 Kemudahan Canva dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Kajian ini mendapati bahawa Canva merupakan aplikasi yang mesra pengguna dan fleksibel, memudahkan guru dalam menyediakan bahan pengajaran yang lebih menarik dan interaktif untuk murid disleksia. Responden A menyatakan bahawa elemen dalam Canva seperti saiz teks, warna, dan simbol dapat menarik minat murid serta membantu mereka memahami pembelajaran dengan lebih baik. Selain itu, Canva boleh diakses melalui telefon pintar, menjadikannya lebih mudah digunakan di dalam kelas. Responden B pula menekankan bahawa elemen visual dalam Canva membantu meningkatkan daya ingatan dan pengenalan huruf murid disleksia berbanding kaedah tradisional yang menggunakan teks panjang dan kurang menarik. Sementara itu, Responden C menyatakan bahawa Canva membolehkan penggunaan beramai-ramai dalam satu masa, yang merupakan kelebihan berbanding PowerPoint yang hanya boleh digunakan oleh seorang pengguna pada satu-satu masa.

Selain kemudahgunaannya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa elemen Canva berpotensi meningkatkan daya tumpuan murid disleksia melalui pelbagai ciri interaktif. Elemen seperti jenis dan saiz font yang jelas membantu murid mengenal huruf dengan lebih baik, manakala penggunaan warna dan jarak perkataan yang sesuai menjadikan teks lebih mudah dibaca dan difahami. Selain itu, penggunaan animasi, video, dan audio dalam Canva membantu menarik perhatian murid serta menjadikan pembelajaran lebih interaktif dan menyeronokkan. Responden turut menyatakan bahawa simbol dan ikon dalam Canva memudahkan pemahaman konsep secara visual tanpa terlalu bergantung kepada teks.

Walaupun Canva menawarkan pelbagai kelebihan, responden turut menghadapi beberapa cabaran dalam penggunaannya. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah kekangan internet, terutama bagi sekolah yang terletak di kawasan luar bandar, yang menyukarkan akses kepada aplikasi ini. Responden A juga menyatakan bahawa faktor umur dan kurangnya kemahiran teknologi menjadi cabaran dalam mendalami fungsi Canva. Selain itu, Responden B menegaskan bahawa tidak semua bahan dalam Canva sesuai dengan tahap kefungsiannya murid disleksia, menyebabkan guru perlu melakukan penyuntingan dan penyesuaian sebelum menggunakannya dalam pengajaran. Responden C pula menyatakan bahawa akses kepada peranti digital seperti Smart TV di sekolah adalah terhad, dan guru perlu menunggu giliran untuk menggunakannya. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar latihan kepada guru, peningkatan akses internet, dan penyediaan peranti tambahan diberikan perhatian untuk mengoptimumkan penggunaan Canva dalam pengajaran Bahasa Melayu bagi murid disleksia.

Canva didapati sebagai alat bantu mengajar yang mesra pengguna dan fleksibel, yang membolehkan guru menyediakan bahan pengajaran yang lebih menarik dan interaktif. Dapatan ini menyokong kajian oleh Swanson et al. [10], yang menegaskan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan visual lebih berkesan untuk murid dengan kesukaran pembelajaran seperti disleksia. Responden A menyatakan bahawa elemen dalam Canva seperti saiz teks, warna, dan simbol membantu menarik minat murid dan memudahkan mereka memahami pembelajaran. Ini selaras dengan kajian oleh Shaywitz & Shaywitz [12], yang menunjukkan bahawa murid disleksia mempunyai

kesukaran dalam memproses teks panjang dan lebih cenderung memahami maklumat dalam bentuk visual.

3.3 Keberkesanan Penggunaan Canva dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Canva dalam pengajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan daya tumpuan dan interaksi murid disleksia melalui elemen visual yang menarik dan interaktif. Ketiga-tiga responden bersetuju bahawa penggunaan Canva dalam pengajaran berkesan dalam meningkatkan daya tumpuan murid disleksia, dengan membantu mereka mengekalkan fokus, memahami kandungan pelajaran dengan lebih baik, serta menggalakkan komunikasi dua hala antara guru dan murid. Namun, keberkesanan Canva bergantung kepada kebolehan guru dalam mengadaptasi bahan pengajaran agar sesuai dengan tahap kefungsiian murid disleksia serta akses kepada infrastruktur teknologi yang mencukupi.

Responden A menyatakan bahawa Canva membantu mengurangkan kebosanan murid serta meningkatkan minat mereka untuk belajar. Murid menunjukkan tingkah laku aktif dalam PdP, seperti lebih berani menjawab soalan walaupun tidak pasti jawapannya betul atau salah. Selain itu, murid disleksia menjadi lebih fokus apabila elemen Canva seperti warna, font, dan grafik digunakan dalam pembelajaran.

Responden B pula menyatakan bahawa murid disleksia kurang gemar melihat teks panjang, dan penggunaan gambar, ikon, dan elemen visual dalam Canva membantu mereka memahami konsep dengan lebih baik. Kajian oleh Mayer [6] menunjukkan bahawa elemen interaktif seperti animasi, warna, dan simbol boleh meningkatkan pemprosesan maklumat dalam kalangan murid yang mengalami kesukaran membaca.

Responden C juga menyatakan pandangan yang sama, dengan menekankan kepentingan elemen Canva seperti animasi, video, dan audio dalam membantu murid memahami pembelajaran. Menurut beliau, Canva membolehkan murid belajar dalam keadaan yang lebih tenang, di samping mewujudkan komunikasi dua hala antara guru dan murid. Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Bogdan & Biklen [19], yang menyatakan bahawa pembelajaran berbantuan teknologi dapat meningkatkan interaksi sosial murid serta membina keyakinan mereka untuk menyertai aktiviti kelas.

4. Kesimpulan, Implikasi, dan Cadangan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengaplikasian Canva dalam pengajaran Bahasa Melayu bagi meningkatkan daya tumpuan murid disleksia. Melalui kajian ini, beberapa dapatan utama telah dikenalpasti, termasuk minat guru terhadap penggunaan Canva, kemudahan Canva sebagai alat bantu pengajaran, serta keberkesanannya dalam meningkatkan daya tumpuan dan pemahaman murid disleksia. Hasil kajian menunjukkan bahawa Canva berupaya membantu meningkatkan motivasi dan interaksi murid melalui elemen visual, animasi, dan audio, yang lebih mudah difahami oleh murid disleksia berbanding kaedah pengajaran tradisional yang bergantung kepada teks panjang. Namun, cabaran seperti kekangan kemahiran teknologi dalam kalangan guru, akses internet yang terhad, serta keperluan penyesuaian bahan pengajaran agar lebih sesuai dengan tahap kefungsiian murid perlu diberikan perhatian bagi memastikan penggunaan Canva dapat dimanfaatkan secara optimum dalam pembelajaran. Melalui integrasi teknologi yang lebih menyeluruh dalam bilik darjah, murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), khususnya murid disleksia, dapat menikmati pengalaman pembelajaran yang lebih setara dengan murid tipikal lain, sekaligus membantu mereka mencapai potensi penuh dalam pendidikan.

Kajian ini dijalankan dengan melibatkan tiga orang guru pendidikan khas dan sekumpulan kecil murid disleksia dari sebuah sekolah rendah. Saiz sampel yang terhad ini merupakan satu had yang perlu diambil kira kerana ia mungkin tidak mewakili keseluruhan populasi guru dan murid disleksia di Malaysia. Oleh itu, generalisasi dapatan kajian ini kepada konteks yang lebih luas perlu dibuat dengan berhati-hati. Kajian masa depan disarankan untuk melibatkan sampel yang lebih besar dan pelbagai latar belakang bagi meningkatkan kebolegunaan umum serta kekukuhan dapatan.

4.1 Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa implikasi penting dalam bidang pendidikan khas dan pengajaran Bahasa Melayu. Dari segi pengajaran dan pembelajaran, kajian ini mengukuhkan kepentingan penggunaan teknologi dalam pendidikan khas, khususnya dalam membantu murid disleksia mengekalkan daya tumpuan dan memahami kandungan pembelajaran dengan lebih baik. Guru Pendidikan Khas disarankan untuk mengintegrasikan Canva atau aplikasi seumpamanya sebagai bahan bantu mengajar, selaras dengan pendekatan pembelajaran berasaskan visual yang lebih sesuai untuk murid disleksia.

Selain itu, dari perspektif institusi pendidikan, kajian ini memberi implikasi bahawa pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu meningkatkan sokongan terhadap penggunaan teknologi digital dalam bilik darjah. Ini termasuk menyediakan latihan kepada guru untuk meningkatkan kemahiran teknologi mereka, memperbaiki akses kepada rangkaian internet di sekolah luar bandar, serta menyediakan peranti digital yang mencukupi bagi membolehkan murid mendapat manfaat sepenuhnya daripada aplikasi seperti Canva. Justeru itu, latihan guru bukan hanya tertumpu kepada kemahiran asas penggunaan Canva, tetapi juga perlu merangkumi reka bentuk visual yang sesuai untuk murid disleksia, prinsip aksesibiliti, serta penyesuaian bahan digital mengikut keperluan individu. Latihan ini boleh digabungkan dalam program pembangunan profesional berterusan guru.

Dari aspek polisi pendidikan, kajian ini juga menyarankan agar penggunaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Melayu dimasukkan secara lebih meluas dalam kurikulum Pendidikan Khas, dengan menyediakan garis panduan khusus bagi guru dalam memilih dan mengadaptasi bahan digital yang bersesuaian dengan tahap pembelajaran murid disleksia.

4.2 Cadangan Kajian Akan Datang

Walaupun kajian ini telah membuktikan keberkesanan Canva dalam meningkatkan daya tumpuan murid disleksia, masih terdapat beberapa aspek yang boleh diteroka dalam kajian akan datang. Antara cadangan yang boleh dipertimbangkan ialah:

- a) Kajian jangka panjang terhadap kesan penggunaan Canva terhadap prestasi akademik murid disleksia. Kajian ini boleh menilai impak Canva bukan sahaja terhadap daya tumpuan, tetapi juga terhadap kemahiran membaca, menulis, dan memahami teks dalam jangka masa yang lebih panjang.
- b) Pembangunan modul pengajaran berasaskan Canva. Kajian masa depan boleh meneroka pembangunan modul khas menggunakan Canva yang direka khusus untuk murid disleksia, serta menguji keberkesananannya dalam meningkatkan prestasi mereka.
- c) Perbandingan Canva dengan aplikasi lain. Kajian seterusnya boleh membandingkan keberkesanan Canva dengan aplikasi pembelajaran digital lain, seperti Kahoot, Nearpod, atau Book Creator, bagi menentukan aplikasi yang paling sesuai untuk murid disleksia.

- d) Kajian keberkesanan Canva dalam subjek lain – Selain Bahasa Melayu, kajian juga boleh diperluaskan untuk melihat bagaimana Canva boleh membantu dalam subjek lain yang memerlukan pemahaman konsep yang mendalam, seperti Matematik dan Sains.
- e) Kajian akan datang disarankan untuk menggunakan reka bentuk kaedah campuran (mixed methods) yang menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Sebagai contoh, penggunaan ujian pra dan pasca (*pre-posttest*) boleh menilai keberkesanan Canva dari segi perubahan daya tumpuan, tahap kefahaman, dan prestasi akademik murid disleksia secara lebih sistematik dan berangka.

Penghargaan

Penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas sokongan moral dalam penghasilan makalah ini.

Rujukan

- [1] Shaywitz, S. *Overcoming Dyslexia: A New and Complete Science-Based Program for Reading Problems at Any Level*, 2nd ed. Vintage, 2020.
- [2] Subramaniam, V., and Kunasegran, K. "Reading Skills in Malay Language Literacy of Dyslexic Students." *Jurnal Bahasa* 22, no. 2 (2022): 329–346. [https://doi.org/10.37052/jb22\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/jb22(2)no7)
- [3] Gathercole, S. E., and Baddeley, A. D. *Working Memory and Language Processing*. Psychology Press, 2014.
- [4] Samsudin, S., and Alias, A. "Pengetahuan terhadap Disleksia dalam Kalangan Ibu Bapa di Sebuah Sekolah Rendah." Universiti Kebangsaan Malaysia, 2021. <https://doi.org/10.33102/JQSS.VOL5NO1.116>
- [5] Widiastuti, D. E. "The Implementation of Canva as a Digital Learning Tool in English Learning at Vocational School." *English Learning Innovation (englie)* 5, no. 2 (2024): 264–276. <https://doi.org/10.22219/englie.v5i2.34839>
- [6] Mayer, R. E. *Multimedia Learning*, 3rd ed. Cambridge University Press, 2021.
- [7] Snowling, M. J. *Dyslexia: A Cognitive-Developmental Perspective*. Blackwell Publishing, 2013.
- [8] Piaget, J. *The Origins of Intelligence in Children*. Norton, 1952.
- [9] Vygotsky, L. S. *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Harvard University Press, 1978.
- [10] Swanson, H. L., Harris, K. R., and Graham, S. *Handbook of Learning Disabilities*, 2nd ed. Guilford Publications, 2018.
- [11] Bruner, J. *Toward a Theory of Instruction*. Harvard University Press, 1966.
- [12] Shaywitz, S. E., and Shaywitz, B. A. "Dyslexia (Specific Reading Disability)." *Biological Psychiatry* 57, no. 11 (2005): 1301–1309. <https://doi.org/10.1016/j.biopsych.2005.01.043>
- [13] Subramaniam, V., and Kunasegran, K. "Reading Skills in Malay Language Literacy of Dyslexic Students." *Jurnal Bahasa* 22, no. 2 (2022): 329–346. [https://doi.org/10.37052/jb22\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/jb22(2)no7)
- [14] Skinner, B. F. *Verbal Behavior*. Appleton-Century-Crofts, 1957.
- [15] Creswell, J. W., and Poth, C. N. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*, 4th ed. SAGE Publications, 2018.
- [16] Merriam, S. B. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*, 2nd ed. Jossey-Bass, 2009.
- [17] Fraenkel, J. R., and Wallen, N. E. *How to Design and Evaluate Research in Education*, 7th ed. McGraw-Hill, 2009.
- [18] Patton, M. Q. *Qualitative Research & Evaluation Methods: Integrating Theory and Practice*, 4th ed. SAGE Publications, 2015.
- [19] Bogdan, R., and Biklen, S. K. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theories and Methods*. Pearson, 2007.